

21 AUG 2003

Mahathir-Gaya

RAKYAT MALAYSIA DISERU UBAH GAYA HIDUP, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 21 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia diseru mengubah gaya hidup mereka supaya setanding dengan tahap pembangunan dan kemudahan canggih yang terdapat di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya, gaya hidup rakyat Malaysia perlu menunjukkan tahap ketamadunan mereka terutamanya sikap dalam menggunakan kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan.

"Kita perlu ubah gaya hidup kerana cara lama kita adalah tidak cekap dalam menggunakan kemudahan. Tidak berguna mempunyai kemudahan canggih tetapi kita tidak pandai menggunakannya. Ramai pelancong menegur cara kita guna kemudahan tertentu."

"Perlu ubah cara kita, kerana tidak guna jika ada kemudahan kelas pertama tetapi pengguna tetap pada kelas tiga. Ianya tidak memberikan gambaran yang baik pada pelancong," katanya ketika merasmikan upacara pecah tanah "Festive Street Mall", Danga Bay di sini.

Yang turut hadir pada majlis pecah tanah itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, exco-exco kerajaan negeri dan Pengarah Danga Bay Sdn Berhad Kamarul Ariffin Sulaiman.

Perdana Menteri berkata, di Malaysia banyak projek-projek besar dilaksanakan untuk mencapai "skala ekonomi" yang menguntungkan dalam menurunkan kos seunit.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan I berkata, pembangunan Danga Bay merupakan satu projek yang besar dan adalah menjadi impian rakyat Johor untuk melihatnya berjaya.

Apabila berjaya kelak, Danga Bay akan membantu meningkatkan lagi imej negara terutamanya di mata pelancong, kata Perdana Menteri

"Kita mahu apabila pelawat dari sana (rakyat Singapura) datang ke Danga Bay, mereka tidak akan rasa perbezaan ketara dari apa yang mereka ada di sana," kata beliau.

Projek Danga Bay meliputi kawasan seluas 555 hektar telah dilancarkan dengan rasminya pada Mei 2000. Projek yang bernilai RM15 bilion itu dijangka mengambil masa selama 15 tahun untuk siap.

Ia terletak di muara tiga sungai iaitu Sungai Skudai, Sungai Danga dan Sungai Melayu dan komponen pembangunannya akan mengandungi pusat kediaman berkonep "resort", pusat komersil, pejabat korporat, pusat kewangan, institusi pendidikan dan beberpa kemudahan pelancongan.

"Festive Street Mall" dijadual siap pada 2006 dan menyediakan kemudahan membeli-belah, runcit berjenama dan pusat hiburan sekeluarga menerusi tempat persembahan muzik serta pertunjukkan kebudayaan.

Kamarul Ariffin dalam ucapannya pula berkata, tanah bagi pembangunan Danga Bay ini diusahakan menerusi program penswastan negeri Johor dan ia telah memberikan manfaat kepada pelbagai pihak.

"Tanah itu telah digunakan untuk menjana modal bagi membina jalan-jalan kampung sepanjang 1,700km di seluruh negeri Johor meliputi 1500 kampung dan seramai 150 kontraktor kecil Bumiputera telah mendapat manfaat daripada pembangunan infrastruktur ini," kata beliau.

Bersesuaian dengan lokasinya yang terletak di persisiran pantai, Danga Bay turut merancang membina marina yang lengkap dengan perkhidmatan feri atau superfoil dari Johor Baharu ke Batam dan Phuket.

Menurut Kamarul Ariffin, juga terdapat perancangan untuk mewujudkan pusat sukan air terunggul bagi menganjurkan perlumbaan bot kuasa tinggi dan

pertunjukkan kapal layar.

Di majlis yang sama, Perdana Menteri turut menyaksikan perjanjian antara Sungai Jimat Sdn dan Danga Bay untuk membangunkan kira-kira 1.2 juta kaki persegi kawasan di "Festive Street Mall" itu.

-- BERNAMA

MHI PR